

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN (IPOH BARAT)

TARIKH : 23 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) jumlah pendatang tanpa izin (PATI) yang telah ditahan oleh Kerajaan pada tahun 2020 serta tahun 2021; dan
- (b) nyatakan juga jumlah tahanan yang masih ditempatkan di depot imigresen serta pusat tahanan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia komited dalam memastikan keselamatan negara diutamakan dengan melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan serta tindakan pencegahan bagi mengelakkan berlakunya peningkatan jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI) di negara ini.

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 6,877 operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dengan tangkapan sebanyak 22,671 orang PATI dan 389 orang majikan. Manakala, sehingga 11 Oktober 2021, Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan 3,389 operasi melibatkan tangkapan seramai 12,944 orang PATI dan 134 majikan.

Sehingga 11 Oktober 2021, jumlah tahanan di semua depot imigresen dan depot imigresen sementara adalah seramai 19,742 orang PATI.